

Tapak Universiti Sabah: Berfikir secara bijak

SEBAGAI seorang penduduk Sabah yang tinggal di kawasan yang boleh dikatakan dekat dengan tapak cadangan pembinaan universiti bandar Tawau iaitu Sandakan, inginlah saya menyuarakan secara ikhlas beberapa pendapat mengenai cadangan penubuhan Universiti Sabah di kawasan Tawau seperti yang menjadi isu hangat pada masa ini.

Sebagai sebuah kerajaan yang terkenal bijak dan prihatin dalam mengendali kewangan negara, tentulah penubuhan universiti tersebut memerlukan kajian mendalam yang melibatkan jangkaan jangka panjang. Selain daripada keputusan Kabinet Sabah, memang banyak pendapat daripada beberapa cendikiawan dari negeri ini memberi pengakuan bahawa terlalu banyak kos (mungkin tertinggi di Malaysia) sekiranya universiti tersebut benar-benar dibina di Tawau.

Sebagai sebuah pusat pengajian tinggi, tidak boleh tidak mesti ada kemudahan, kalau boleh biarlah ianya bersifat sedia ada dan demi mewujudkan Sabah Baru, pastinya ongkos mencapainya perlu dijimatkan. Manifesto BN bukan setakat membina sebuah universiti.

Sekiranya universiti tersebut dibina di Kota Kinabalu keperluan seperti perpustakaan tidak ada masalah. Sekiranya terdapat kekurangan pun, kerajaan sekadar menambah bahan dan bangunan. Demikian juga dengan muzium dan arkib negara yang memang perlu, segalanya ada tersedia di Kota Kinabalu. Alangkah tinggi kos untuk membinanya di Tawau. Untuk perjalanan dari Tawau ke Kota Kinabalu juga memerlukan kos tambang yang tinggi. Perjalanan melalui darat Tawau - Kota Kinabalu seperti yang diketahui umum sering berlaku tanah runtuh. Ini akan menghalang perjalanan.

Dari segi kesesuaian pelajar membuat pelbagai aktiviti seperti kajian kebudayaan suku bangsa, ekonomi dan hasil-

hasil pertanian, ternyata di kawasan Pantai Barat lebih banyak dan mudah. Suku-suku terbesar di Sabah seperti Bajau, Dusun, Kadazan, Murut, Rungus, Brunei, Bisaya, Kedayan dan sebagainya lebih ramai dan tertumpu di Pantai Barat. Demikian juga dengan kegiatan ekonomi seperti pertanian di Kundasang, penanaman padi, limau manis dan sebagainya.

Demikian jugalah dengan semua pusat pentadbiran sama ada Persekutuan dan Negeri berada di Kota Kinabalu. Untuk tujuan integrasi antara Sabah dan Sarawak, ternyata lebih mudah dan murah sekiranya penubuhan universiti dilakukan di Kota Kinabalu.

Sebagai kerajaan yang dikepalai oleh barisan berwawasan, tentunya mereka lebih arif mengenai hal-hal seperti ini. Kepcahan memirkannya dari pelbagai segi harus diteliti secara rasional demi masyarakat dan keberkesanannya. Jika sekadar bertujuan membuat universiti hanya kerana menghormati majoriti penyokong BN di Tawau, ianya adalah sama dengan amalan kerajaan yang terdahulu. Kepada mereka yang masih tidak berpuas hati, kita kenalah rasional dan matang. Kita harus mengambil beberapa contoh kepada beberapa orang menteri yang tidak mengambil kesempatan walaupun berada di puncak jaya. Pernahkah kita mendengar PM telah membina universiti di kawasan Kubang Pasu?

Sebagai rakyat biasa yang cuba mengelak akan pembaziran wang negara, apakah lagi golongan pemerintah yang mestilah bijak menggunakan wang negara untuk kesejahteraan dan pembangunan. Apakah lagi kita sedang membina Sabah Baru dan memenuhi janji dalam manifesto. Demikian juga dengan banyak lagi keperluan untuk pembasmiaran kemiskinan. Bak kata bijak pandai adalah lebih baik berjimat semasa ada. **HENRY @ MOHAMMED SUFFIAN** Borneo Mail 6/6/94